

Surat Pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia Bil. 5 Tahun 1993

Garis panduan Penggunaan Mercy Flight Bagi Hospital-hospital Di Kementerian Kesihatan

1. Tujuan

Pekeliling ini bertujuan untuk memastikan perkhidmatan 'Mercy Flight' digunakan berdasarkan indikasi yang jelas serta memastikan keseragaman prosedur agar perkhidmatan yang diberi- kepada pesakit dapat berjalan dengan lancar dan teratur.

2. Latarbelakang

Penerbangan kecemasan atau 'mercy flight' yang disediakan oleh Tentera Udara Di Raja Malaysia (TUDM) adalah bermaksud membawa pesakit-pesakit tenat yang boleh diselamatkan sekiranya purata segera yang sesuai diberikan. Perkhidmatan ini tiada dikenakan bayaran oleh pihak TUDM.

Dari penelitian terhadap senarai kes-kes yang telah menggunakan perkhidmatan ini memang sebahagian besarnya adalah terdiri dari kes-kes yang mengancam nyawa tetapi masih boleh diselamatkan sekiranya terdapat kemudahan yang sesuai untuk rawatan. Walau bagaimanapun terdapat juga kes-kes yang tidak mempunyai justifikasi yang kuat bagi menggunakan perkhidmatan 'mercy flight' (tidak termasuk kes-kes yang tiada jalan lain untuk membawa pesakit) telah mendapat perkhidmatan ini.

Memandangkan perkhidmatan ini melibatkan implikasi kewangan dan kakitangan di kedua-dua pihak TUDM serta 'Kementerian Kesihatan, maka perlu diadakan garis panduan yang mengandungi kriteria dan prosedur tertentu bagi memastikan penggunaannya benar-benar menepati tujuan.

3. Tindakan dan Tanggungjawab

Semua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan Negeri adalah diminta mengedarkan garis panduan yang dilampirkan bersama ini ke semua hospital di bawah pentadbiran masing-masing serta memastikan prosedur pelaksanaan perkhidmatan ini dipatuhi.

4. Pertanyaan

Jika terdapat sebarang pertanyaan berkaitan dengan pekeling ini, sila hubungi:

Pengarah Perkhidmatan Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Jalan Cenderasari

50590 Kuala Lumpur

(UP: Dr. Shahidah Abdul Manaff)

Sekian. Terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang Menurut perintah,

(TAN SRI DR. ABU BAKAR B. SULEIMAN)

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia.

LAMPIRAN

GARISPANDUAN PENGGUNAAN MERCY FLIGHT BAGI HOSPITAL-HOSPITAL DI KEMENTERIAN KESIHATAN

OBJEKTIF

Garis panduan ini bertujuan untuk menyelaraskan dan menyeragamkan prosedur penggunaan mercy flight untuk merujuk pesakit-pesakit tenat dari hospital ke hospital Kementerian Kesihatan.

2. LATARBELAKANG

Penerbangan kecemasan atau 'mercy flight' yang disediakan oleh Tentera Udara Di Raja Malaysia adalah bermaksud untuk membawa pesakit tenat dengan tujuan menyelamatkan nyawa. Perkhidmatan ini tiada dikenakan bayaran oleh pihak tersebut.

Dari penelitian yang dibuat terhadap senarai kes yang menggunakan perkhidmatan 'mercy flight', didapati kebanyakannya memang terdiri dari kes yang 'life threatening' seperti 'post partum haemorrhage with shock', 'encephalitis with brain abscess', 'portal hypertension with severe bleeding oesophageal varices' dan sebagainya dimana pesakit boleh diselamatkan sekiranya mendapat rawatan segera yang bersesuaian.

Terdapat juga keadaan dimana tiada jalan lain untuk membawa pesakit ke hospital tertentu melainkan dengan perkhidmatan udara. Keadaan ini terdapat terutamanya di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun terdapat juga beberapa kes yang menggunakan 'mercy flight' tanpa justifikasi yang kukuh umpamanya 'closed fracture of limbs', 'incomplete abortion' dan sebagainya.

Memandangkan implikasi kewangan dan kakitangan yang terlibat dan bagi mengatasi masalah penyalahgunaan perkhidmatan ini maka perlu diadakan garis panduan termasuk kriteria dan prosedur merujuk kes menggunakan perkhidmatan 'mercy flight'.

3. KRITERIA-KRITERIA UNTUK PENGGUNAAN MERCY FLIGHT

Penggunaan mercy flight adalah dicadangkan dalam keadaan-keadaan berikut:

3.1. Pesakit Yang Memerlukan Rawatan Segera

3.1.1. Pesakit tenat yang boleh diselamatkan nyawanya sekiranya dihantar secepat mungkin ke hospital yang mempunyai kepakaran dan keraudahan untuk rawatan yang bertepatan.

3.1.2. Sekiranya pengangkutan cara lain memakan masa terlalu lama dan boleh menyebabkan keadaan pesakit menjadi bertambah teruk.

3.2. Tiada Kemudahan Untuk Pengangkutan Cara Lain.

Sekiranya tiada terdapat kemudahan untuk menggunakan pengangkutan cara lain yang sesuai bagi memindahkan pesakit sama ada melalui jalan darat, laut atau sungai.

3.3. Kesesuaian Jenis Pengangkutan Dengan Keadaan Pesakit

Pesakit yang tidak sesuai dihantar dengan pengangkutan biasa seperti ambulans, bot dan lain-lain ke hospital yang dirujuk, sekiranya penghantaran yang sedemikian boleh menyebabkan keadaan penyakit bertambah teruk.

4. PROSEDUR UNTUK MENDAPATKAN PERKHIDMATAN MERCY FLIGHT (Sila Rujuk 'Flow Chart' di Lampiran I)

4.1. Perkhidmatan mercy flight hendaklah dipohon oleh pakar/ pegawai perubatan yang merawat pesakit selepas konsultasi dengan pakar yang akan dirujuk pesakit berkenaan.

4.2. Pakar/Pegawai Perubatan yang merawat hendaklah mengesahkan bahawa pesakit memerlukan rawatan segera dimana kepakaran dan rawatan tersebut tidak terdapat di hospital berkenaan serta di hospital swasta yang berhampiran. Beliau dikehendaki mengisi 3 borang permohonan seperti di Lampiran II.

4.3. Pakar yang berkenaan dari hospital yang dirujuk hendaklah memberi persetujuan terlebih dahulu untuk menerima kes tersebut sebelum kes berkenaan dihantar. Beliau juga dikehendaki membuat persiapan untuk menerima kes.

4.4. Penguasa Perubatan/Pegawai Perubatan Y/M Hospital yang merujuk hendaklah dimaklumkan untuk mendapatkan kelulusan dan seterusnya melaksanakan urusan pentadbiran yang berkaitan dengan rujukan ini.

4.5. Sekiranya kes-kes yang tenat berlakii di tempat-tempat dan masa tertentu yang tidak mempunyai Pegawai Perubatan, contohnya di beberapa pulau di Negeri Terengganu, maka Jururawat Pembantu Perubatan boleh menghubungi Pakar/Pegawai Perubatan di hospital yang mana pesakit akan dirujuk. Adalah menjadi tugas Pakar/Pegawai berkenaan untuk:-

Mengisi borang permohonan serta memaklumkan kepada Pegawai Perubatan Y/M untuk mendapatkan perkhidmatan 'mercy flight'.

Membuat persediaan untuk menerima pesakit.

5. TINDAKAN DAN TANGGUNGJAWAB

5.1. Pegawai Yang Merujuk

- 5.1.1. Memberi rawatan segera yang perlu untuk menstabilkan pesakit sebelum dipindahkan.
- 5.1.2. Menetapkan kakitangan yang akan mengiringi pesakit.
- 5.1.3. Memberi penjelasan kepada pesakit dan keluarga serta mendapatkan persetujuan.
- 5.1.4. Menyediakan surat rujukan yang lengkap dan ditandatangani oleh pegawai yang merujuk serta dokumen-dokumen lain.
- 5.1.5. Memastikan 'consent form' untuk perjalanan dengan 'mercy flight' ditandatangani oleh pesakit atau waris.

5.2. Penguasa Perubatan/Pegawai Perubatan Y/M Hospital Yang Merujuk

5.2.1. Menghubungi TUDM - Pusat Operasi Tech. Udara (POTU) - no @- telef on- 03-2411258-0- 03-2411281 atau 2411 samb. 4222 untuk mendapat persetujuan dan menetapkan masa perjalanan serta hal-hal yang berkaitan (kecuali Sabah dan Sarawak dimana perkhidmatan udara tempatan digunakan).

5.2.2. Memberi maklumat mengenai pesakit, keadaan penyakit, hospital yang dirujuk, kakitangan dan keluarga yang mengiringi pesakit kepada pegawai tentera yang menjaga pusat berkenaan.

5.2.3. Menge-tukukan sesalinan surat permohonan (Lampiran II) untuk perkhidmatan mercy flight kepada juruterbang beserta dengan borang consent yang dialamatkan seperti berikut:

Ketua Pegawai Operasi Tech Udara

MABANUD

d/a Station TUDM

Kuala Lumpur

5.2.4. Menyediakan pengangkutan untuk membawa pesakit ke lapangan terbang dan memastikan pesakit sampai di situ sebelum kapal terbang tiba.

5.2.5. Sekiranya keadaan jalanraya sesak, perkhidmatan polis pengiring hendaklah dipohon..

5.3. Pakar Yang Akan Menerima Pesakit

5.3.1. Memaklumkan akan ketibaan pesakit kepada pegawai pegawai dari jabatan berkaitan seperti berikut:

- Pegarah Hospital Kuala Lumpur/Penguasa Perubatan
- Ketua Jabatan Kemalangan & Kecemasan
- Pegawai yang menjaga wad yang berkenaan untuk bersiap sedia menerima pesakit tersebut.
- Ketua Jabatan Anesthesiologi (sekiranya pembedahan segera perlu)

5.3.2. Mengarahkan kakitangan wad berkenaan menyediakan peralatan untuk rawatan kecemasan bagi menstabilkan pesakit (sekiranya perlu) sebelum, prosedur/rawatan definitif diberikan.

5.4. Pihak Pentadbiran Hospital, Yang Menerima Pesakit

5.4.1. Memastikan tempat mendarat helikopter

5.4.2. Menyediakan kenderaan pengangkutan untuk membawa pesakit ke Jabatan Kecemasan dan Kemalangan/ ward.

5.5. Pihak TUDM

5.1. Memberi maklumbalas sama ada perkhidmatan boleh dipertimbangkan atau tidak.

5.2. Menetapkan masa berlepas setelah menerima permohonan melalui teleffon dari Penguasa Perubatan atau Pegawai Perubatan Y/M hospital berkenaan.

Tarikh: Okt. 1993

SAM/SMA/(D30)-flight

Lampiran II

'MEDEVAC'

1. Nama Pesakit Wad

2. Umur

3. (a) Nombor Kad Pengenalan 1

(b) R/N

4. Keadaan Pesakit

(Sama ada sedar/tidak sedar Kes 'Stretcher' atau tidak)

5. Jenis Penyakit dan justifikasi untuk menggunakan 'mercy flight' :

6. Siapa yang menemani pesakit

(a) Doktor

(i) Nama Penuh

(ii) Umur

(iii) No. Kad Pengenalan

(b) Jururawat

(i) Nama Penuh

(ii) Umur

(iii) No. Kad Pengenalan:

(c) Waris

(i) Hubungan dengan pesakit

(ii) Nama Penuh

(iii) Umur

(iv) No. Kad Pengenalan

7. Ulasan Pakar yang menjaga kes

(Sebab kes tidak boleh dihantar melalui Keretapi atau Ambulans)

Tarikh Tandatangan

Doktor Pakar Cop Rasmi

8. Ulasan Penguasa Perubatan:

Tarikh: Tandatangan: